



16 April 2014
16 April 2014
P.U. (A) 106

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (BANDARAYA KUALA LUMPUR) (NO. 2) 2014

ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD) (CITY OF KUALA LUMPUR) (NO. 2) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) (NO. 2) 2014

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 94 yang disiarkan pada 18 Mac 2014, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*];

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta itu, Dato Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang tersebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (No. 2) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 20 April 2014.

Larangan

2. Pemanduan semua kenderaan di atas bahagian jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan dari arah yang ditentukan dalam ruang (2) Jadual Pertama, mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.